

5 ikhtiar ringankan beban sara hidup

BERITA HARIAN 24 JUL 2025

m/s: 2

PM hargai rakyat cekal harungi pembaharuan MADANI untuk negara

Kuala Lumpur: Penurunan harga petrol RON95, pemberian RM100 sekali beri kepada setiap warga negara berusia 18 tahun ke atas serta penangguhan kenaikan tol adalah di antara ikhtiar diumumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi meringankan beban sara hidup rakyat, semalam.

Menerusi pengumuman khas bertajuk Penghargaan Untuk Rakyat Malaysia itu, Perdana Menteri menyenaraikan lima ikhtiar segera sebagai tanda penghargaan kepada rakyat atas kecekalan bersama-sama dalam perjalanan pembaharuan MADANI untuk negara.

“Kos sara hidup kekal sebagai tantangan yang mesti ditangani dengan bijaksana dan segera. Diakui bahawa meskipun kadar inflasi keseluruhan Jun 2025 adalah pada 1.1 peratus, iaitu terendah dalam tempoh 52 bulan, namun kenaikan harga makan minum terus melebihi purata inflasi.

“Dengan penuh rasa tanggungjawab, saya mengumumkan beberapa ikhtiar segera bagi meringankan beban sara hidup serta sebagai penghargaan dan meraikan rakyat,” katanya dalam ucapan yang disiarkan menerusi semua platform dalam talian pagi semalam.

Perdana Menteri berkata, sempena Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini, setiap warganegara berusia 18 tahun ke atas akan menerima RM100 secara sekali beri, melalui MyKad di bawah program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) membabitkan 22 juta penduduk.

Katanya, jumlah peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan SARA meningkat RM2 bilion daripada RM13 bilion kepada RM15 bilion untuk tahun ini dan adalah kali pertama dalam sejarah bantuan tunai disalurkan kepada semua rakyat dewasa.

“Bantuan ini boleh dibelanjakan mulai 31 Ogos sehingga 31 Disember 2025 bagi membeli barangan asas di lebih 4,100 kedai, termasuk pasar raya seperti



Inisiatif penurunan harga RON95 kepada RM1.99 seliter memberi manfaat kepada 18 juta pemandu warganegara.

Mydin, Lotus's, Econsave dan 99 Speedmart serta kedai runcit di semua daerah seluruh negara.

“Bantuan ini diberikan secara individu dan bukannya isi rumah. Maknanya, sebuah isi rumah umpamanya suami, isteri dan dua orang anak dewasa akan dapat RM400.

“Bagi rakyat berkemampuan dan tidak memerlukan bantuan itu, jumlah yang tidak dibelanjakan menjelang akhir tahun ini diagihkan semula untuk program bantuan golongan rentan tahun hadapan,” katanya.

Perbanyak Jualan Rahmah

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan memperbanyakkan Jualan Rahmah MADANI di seluruh negara, menerusi peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta menjadikan keseluruhan RM600 juta bagi membiayai program itu tahun ini.

“Peruntukan tambahan ini antaranya akan menambah kekeperluan dan memperluas jumlah lokasi meliputi kesemua 600 dewan undangan negeri di seluruh negara, selain memperbanyak jenis barangan untuk memberi pilihan yang lebih meluas kepada rakyat,” katanya.

Anwar berkata, kerajaan kekal dengan perancangan menyasar subsidi petrol RON95 dan perincian mengenai langkah itu akan diumumkan menjelang akhir September tahun ini dengan jaminan rakyat biasa tidak akan terjejas.

Katanya, inisiatif penurunan harga RON95 sebanyak enam sen daripada RM2.05 kepada RM1.99 seliter pula akan memberi manfaat kepada 18 juta pemandu kereta dan penunggang motosikal, termasuk belia seawal usia 16

tahun dan pekerja gig.

“Ini penurunan yang agak tinggi membabitkan kos kepada pemerintah. Pendekatan bersasar ini sejajar ikhtiar kerajaan mengoptimum sumber negara bagi manfaat rakyat dan mengurangkan pembaziran subsidi.

“Iaitu ia tidak membabitkan warga asing. Hanya untuk warga negara yang guna MyKad dapat RM1.99 seliter. Yang lain kena bayar harga pasaran, warga asing, kenderaan asing tetap kena guna harga pasaran,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju menanggung kenaikan tol membabitkan 10 lebuhraya yang sepatutnya berlaku pada tahun ini supaya rakyat terus menikmati kadar yang sama.

Susulan penangguhan kenaikan terbabit, Anwar berkata, kerajaan akan menanggung pampasan kepada syarikat konsesi lebuhraya berkenaan sebanyak lebih RM500 juta.

“Sejak hari pertama Kerajaan MADANI mengemudi pentadbiran negara, saya tegaskan keutamaan saya tidak pernah berubah: rakyat, rakyat dan rakyat.

“Segala dasar, segala keputusan, segala ikhtiar yang kita usahakan semalam, hari ini, mahupun esok, semuanya berbalik kepada masalah rakyat, agar punyai darjat hidup lebih terjamin, lebih sejahtera, lebih bermaruah,” katanya.

Perdana Menteri memberi jaminan, untuk tahun hadapan, kerajaan akan terus menambah baik ikhtiar menerusi Belanjaan MADANI Keempat 2026 pada Oktober ini, sebagai kesinambungan kepada ikhtiar kerajaan untuk meringankan beban rakyat.